

**D.R. 35/97**

**Naskhah Sahib—Bahasa Inggeris**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Bernama 1967.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bernama (Pindaan) 1997. Tajuk ringkas.

2. Akta Bernama 1967 adalah dipinda dalam seksyen 3— Pindaan seksyen 3. Akta 449.

(a) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Bernama boleh mengikut budi bicaranya membuat perkiraan pada masa yang sesuai bagi penehmeaan melalui langganan, bayaran, pertukaran atau cara lain berita atau bahan berita antarabangsa, serantau dan berita dan bahan berita lain dan pembahagian berita atau bahan berita

*Rang Undang-Undang*

itu kepada pelanggan atas apa-apa terma sebagaimana yang boleh diperkirakan."; dan

(b) dengan memotong subseksyen (4) dan (5).

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Bernama 1967 ("Akta").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas.

3. *Fasal 2* bertujuan meminda subseksyen 3(3) Akta untuk menarik balik hak eksklusif Beraama untuk menerima berita atau bahan berita daripada agensi berita luar negara atau pertubuhan-pertubuhan lain yang berurusan dengan berita atau bahan berita dan untuk mengedarkan berita atau bahan berita itu. Subseksyen 3(4) dan 3(5) dipotong ekor daripada pindaan subseksyen 3(3).

## IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U<sup>2</sup>) 2027.]